

bah

DR MAHATHIR, "MALAYSIA'S GUARDIAN ANGEL" KATA AKHBAR INDIA

J

NEW DELHI, 14 Mac (Bernama) -- Sebuah akhbar India berbahasa Inggeris, The Hindu, semalam memuji Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang berani menyuarakan sesuatu demi kepentingan negara dan rakyatnya dan ada kalanya untuk kepentingan bersama negara-negara membangun.

Laporan tersebut yang bertajuk "Malaysia's Guardian Angel" juga mempunyai sketch pensil gambar Dr Mahathir.

Menulis untuk akhbar tersebut daripada Singapura, Sridhar Krishnaswami berkata ada pengkritik berkata tindakan Perdana Menteri memulaukan firma-firma British dari projek-projek baru kerajaan mungkin akan juga merugikan Malaysia jika Britain mengambil tindak balas.

Tetapi penulis laporan itu berpendapat ini tidak akan terjadi kerana masalah Malaysia dengan Britain masih berada dalam keadaan terkawal.

--Bernama

MO 03

▼14/03/18-56MST